

12. Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan objektif kepada perniagaan?
- A Mengenalpasti tujuan penubuhan
 - B Mengenalpasti sasaran yang ingin dicapai
 - C Membantu perniagaan membuat perancangan
 - D Memudahkan perniagaan menilai prestasi perniagaan
13. Bagaimanakah dasar fiskal dapat mengawal keadaan ekonomi?
- A Menggubal Perlembagaan Malaysia
 - B Mengetatkan syarat menjalankan perniagaan
 - C Mengubah kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan
 - D Mempengaruhi perniagaan di pasaran tempatan
14. Bagaimanakah faktor pertumbuhan ekonomi dunia merupakan faktor yang boleh mempengaruhi pembentukan visi, misi dan objektif perniagaan?
- A Asas kepada keuntungan syarikat
 - B Faktor penting dalam peningkatan jualan
 - C Kemampuan pengguna membeli produk keluaran perniagaan
 - D Boleh mempengaruhi semua aspek keputusan perniagaan
15. Rajah berikut menunjukkan bahagian-bahagian fungsian utama bagi sebuah perniagaan.



Mengapakah bahagian-bahagian tersebut penting kepada sesebuah perniagaan?

- A Sebagai hala tuju perniagaan
 - B Untuk meminimumkan kos operasi
 - C Sebagai garis panduan kepada pekerja
 - D Untuk memastikan perniagaan lancar dan berkesan
16. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi bahagian jualan?
- I Merancang pengeluaran
 - II Mengawal kualiti produk
 - III Mengemas kini rekod pelanggan
 - IV Memberi maklum balas kepada pelanggan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Bagaimanakah teknologi maklumat dapat membantu bahagian fungsian pengeluaran?
- A Memudahkan pemasaran
 - B Mempercepatkan pesanan belian
 - C Melicinkan pengurusan data kewangan jabatan
 - D Menghasilkan produk mengikut standard yang ditetapkan.
18. Apakah peranan pembekal kepada sebuah organisasi perniagaan?
- A Membekalkan aset tetap
 - B Memberi pinjaman modal
 - C Membekalkan bahan mentah
 - D Menyediakan pasaran produk
19. Apakah peranan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia bagi perniagaan besar?
- I Memberi kaunseling kepada pekerja.
 - II Menguruskan hal ehwal keluarga pekerja
 - III Mengendalikn kekosongan pekerjaan dan memberi peluang kenaikan pangkat
 - IV Bekerjasama dengan bahagian fungsian kewangan berkenaan gaji pekerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
20. Apakah maksud pengurusan sumber manusia?
- A Satu usaha pembangunan pekerja dalam sesebuah organisasi bertujuan untuk memberikan latihan dan pembangunan yang mencukupi kepada pekerja.
 - B Satu usaha pembangunan pekerja dalam sesebuah organisasi bertujuan untuk menilai prestasi pekerja supaya dapat memberikan insentif atau mengenakan hukuman.
 - C Satu usaha pembangunan pekerja dalam sesebuah organisasi bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan semangat pekerja supaya lebih kuat bekerja
 - D Satu usaha pembangun pekerja dalam sesebuah organisasi bertujuan untuk menarik, membangun, dan mengekalkan pekerja yang berprestasi tinggi.
21. Situasi dibawah menunjukkan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi

Setiap pekerja akan berusaha untuk mencapai Indeks Pencapaian Utama(KPI) pasukan sebagai petunjuk kepada prestasi pencapaian kerja.

Apakah peranan yang dimainkan oleh pengurusan sumber manusia dalam konteks di atas?

- A Prestasi pasukan
- B Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran
- C Membentuk persekitaran kerja yang positif dan harmoni
- D Menggalakkan kreativiti dan inovasi